



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “LAILATUL QADAR: PELUANG KEEMASAN DIGANJARI DAN DIAMPUNI”

22 April 2022 / 20 Ramadan 1443

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الْقَائِلِ.

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿٢﴾ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ تَنْزِيلُ الْمَلَكِ وَالرُّوحِ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ﴿٥﴾ ﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al-Qur'an) pada malam al-Qadar. Dan tahukah kamu apakah malam al-Qadar itu? Malam al-Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun para malaikat dan malaikat Jibril dengan izin Tuhannya untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan sehingga terbit fajar.  
(Surah al Qadar: 1-5)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah telah dua puluh hari kita menunaikan ibadah puasa Ramadan. Semoga saf-saf kesabaran telah dirapatkan melalui amalan berpuasa, dan dihampar sejadah barakah yang menghidupkan ruang keberkatan di kamar ketakwaan, menjadikan titis-titis noda diangkat ke langit pengampunan. Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi larangan Nya. Takwa bermaksud sentiasa berhati-hati pada setiap perlakuan dan tindakan dalam kehidupan kerana taat dan takut kepada Allah SWT. Ketika melangkah ke sepuluh hari terakhir Ramadan, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “Lailatul Qadar: Peluang Keemasan diganjari dan diampuni”

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Apakah yang dimaksudkan malam al-Qadar? Mengapakah disebut al-Qadar? Menurut Imam al-Qurtubi, memetik tafsiran Mujahid RA, Lailatul Qadar ialah ليلة الحكم (lailatul hukum) iaitu malam ditetapkan hukum, yakni Allah SWT menentukan pada malam itu segala apa yang dikehendaki Nya selama setahun, perkara-perkara berkaitan takdir, kematian, rezeki dan urusan kehidupan, sehingga Lailatul Qadar pada tahun berikutnya. Ketetapan-ketetapan ini diserahkan kepada para malaikat untuk melaksanakannya.

Bilakah malam al-Qadar ? Berdasarkan beberapa hadis Nabi SAW antaranya;

عن عائشة رضي الله عنها قالت: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يجاور في العشر الأواخر من رمضان، ويقول: تحروا ليلة القدر في العشر الأواخر من رمضان

Bermaksud: “Daripada Aisyah RA katanya: Sesungguhnya Rasulullah SAW beriktikaf pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan dan Baginda bersabda: “Carilah Lailatul Qadar pada sepuluh malam terakhir dalam bulan Ramadan”.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Nabi SAW memperincikan kemungkinan berlakunya Lailatul Qadar pada malam-malam ganjil sepuluh malam terakhir Ramadan. Sabda Nabi SAW;

الْتَمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ وَتَرَا

Bermaksud “Carilah ia (Lailatul Qadar) pada malam ganjil sepuluh yang terakhir (dalam bulan Ramadan)”

(Riwayat Imam Ahmad)

Untuk memudahkan umat Islam mencarinya, Imam al-Ghazali memberi panduan berdasarkan pengalaman beliau seperti yang dinukilkan dalam Hasyiah al Bujairimi;

“Hujjatul Islam Imam al-Ghazali dan lain-lain berkata: Lailatul Qadar boleh diketahui berdasarkan hari pertama Ramadan. Sekiranya hari pertama, ialah Ahad atau Rabu, maka Lailatul Qadar terjadi pada malam 29; sekiranya jatuh pada hari Isnin, maka Lailatul Qadar pada malam 21; sekiranya pada hari Selasa atau Jumaat, maka Lailatul Qadar pada malam 27; sekiranya pada hari Khamis, maka Lailatul Qadar pada malam 25; sekiranya pada hari Sabtu, maka Lailatul Qadar pada malam 23.”



Walau apa pun malamnya, sangat dianjurkan agar kita memberi tumpuan ibadah yang lebih pada 10 malam akhir, sama ada pada malam-malam ganjil mahupun genap.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Apakah keistimewaan malam al-Qadar? Apakah Allah SWT dan Rasulullah SAW menjanjikan sesuatu yang istimewa untuk kita sempena malam al-Qadar? Dalam surah al-Qadar, ayat ketiga, Allah SWT menyebut malam al-Qadar ialah malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Lailatul Qadar ialah malam yang penuh berkat, malam yang sangat dinantikan kemunculannya oleh setiap Muslim yang beriman dan bertakwa, malam yang mendorong manusia untuk berasa dekat dengan Allah SWT, malam untuk mendapat keredaan Ilahi dengan diampuni segala dosa. Andai amalan kita diterima Allah, beruntunglah kita kerana amalan satu malam seolah-olah beramal selama lebih 83 tahun.

Malam al-Qadar turut dipenuhi kesejahteraan apabila para malaikat turun dan mengucapkan salam (doa kesejahteraan) kepada seluruh orang beriman. Malam al-Qadar juga ialah malam pengampunan Allah SWT terhadap hamba-hamba Nya.

Dari Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda,

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Bermaksud: “Barang siapa yang beribadah pada malam al-Qadar kerana iman dan mengharap ganjaran daripada Allah, maka diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu.”

(Hadis Riwayat Bukhari)

### **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Apakah yang patut kita lakukan apabila sampai sepuluh malam terakhir Ramadan dalam hasrat mahu menemui Lailatul Qadar? Jadikan pengajaran daripada petunjuk Nabi SAW.

Daripada Aisyah RA, menceritakan:

Mafhumnya: “Adapun Rasulullah SAW apabila tiba 10 hari terakhir bulan Ramadhan, Baginda SAW membangunkan ahli rumah, mengikat kain Baginda (tidak menggauli isteri-isteri Baginda) serta menghidupkan malam tersebut”.

(Riwayat Ibn Hibban)



Mimbar dengan ini mengajak agar kita mengambil peluang keemasan dengan meningkatkan amalan pada sepuluh malam terakhir Ramadan;

**Pertama:** Terus istiqamah, solat berjemaah, terutama Solat Isya' dan Solat Subuh, dikembarkan dengan solat sunat rawatib, mengiringi solat fardu.

**Kedua:** Mandi dan memakai wangian membuktikan semangat dan kesungguhan menanti ketibaan malam yang istimewa.

**Ketiga:** Solat Tarawih dan Witir berjemaah dengan melibatkan ahli keluarga . Perbanyakkan membaca al-Quran; bertadarus dan bertadabbur, lebih afdal dilakukan di surau, di masjid atau bersama ahli keluarga di rumah.

**Keempat:** Beriktikaf di masjid; merupakan Sunnah Nabi SAW yang sangat dituntut kita melakukannya kerana sepanjang 10 Ramadan terakhir, Baginda tidak keluar masjid melainkan untuk memenuhi keperluan-keperluan asas sahaja.

**Kelima:** Banyakkan bertaubat dan beristighfar terutama pada waktu sahur; di samping berusaha menahan diri daripada melakukan kemungkaran dan perkara keji serta perbuatan zalim terhadap makhluk lain.

**Keenam:** Bersungguh-sungguh berdoa, memohon pengampunan atas segala dosa dan kesalahan, mendoakan kesejahteraan kedua ibu bapa, ahli keluarga serta sekalian Muslimin dan Muslimat, kerana malam al-Qadar adalah malam pengampunan.

Saidatina Aisyah RA bertanya kepada Baginda SAW;

Mafhumnya: “Aku bertanya: Wahai Rasulullah, jika aku bertemu dengan malam al-Qadar maka apa yang sepatutnya aku ucapkan. Nabi SAW bersabda: Ya Allah Ya Tuhan Kami, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun dan amat suka akan keampunan, maka berikanlah keampunan kepada ku.”  
(Riwayat at-Tirmizi)

**Ketujuh:** Jangan lupa berbuat baik sesama manusia, juga kepada makhluk Allah yang lain. Malam-malam yang berbaki ini ditumpukan melakukan sebanyak-banyak ibadah, banyakkan bersedekah, berbakti kepada kedua ibu bapa, berbuat baik kepada ahli keluarga, menyantuni jiran tetangga, fakir miskin dan anak yatim, dan melakukan pelbagai kebaikan bersifat insani.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ  
اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا لَيْلَةَ الْقَدْرِ وَأَعِنَّا عَلَى إِحْيَائِهَا بِالْأَعْمَالِ الصَّالِحَةِ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, Engkau kurniakan kami kesempatan bertemu dengan malam al-Qadar. Jadikan kami antara hamba Mu yang menghidupkan malam tersebut dan diampuni kami dari segala dosa, dan kabulkan doa dan hajat kami.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.